



جَبَاتُ خَالِقُ الْعَالَمِ مِنْ كُلِّ أَمْرٍ

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

08 SYAABAN 1443H / 11 MAC 2022M

### BERWAKAF JANA MANFAAT DUNIA, JUGA AKHIRAT

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh **Imam Qariah** atau **Imam Rawatib** yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

#### KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : .....

PEGAWAI PENYEMAK : .....

**ADAM BIN ABDUL HAJ**

Unit Baitul Hikmah  
Bahagian Penyelidikan Dan Informati  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

#### KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 07/03/2022

DIBACA PADA : 11/03/2022

DILULUSKAN OLEH : .....

**BAHARUDIN HJ. ALWI**

Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Penyelidikan & Informati  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

## **KHUTBAH PERTAMA** **BERWAKAF JANA MANFAAT DUNIA, AKHIRAT**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَابِلِ :

وَأَمْنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَأَنفَقُوا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُسْتَخْلِفِينَ فِيهِ قَالَذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ  
وَأَنفَقُوا لَهُمْ أَجْرٌ كَبِيرٌ ﴿٧﴾

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الْدِينِ.

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

### **HADIRIN JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH!**

Keimanan dan ketakwaan seseorang hamba kepada Pencipta-Nya, yakni Allah SWT merupakan lessen utama bagi memperolehi balasan baik di akhirat nanti. Oleh itu, sama-sama kita terus istiqamah melaksanakan segala suruhan Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk “**BERWAKAF JANA MANFAAT DUNIA, AKHIRAT**”.

### **PARA JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT!**

Islam sangat menganjurkan agar kita membelanjakan harta pada jalan yang direndai oleh Allah SWT. Malah Allah SWT memperingatkan kita, selaku hamba-Nya kita tidak akan berupaya mencapai hakikat kebaikan dan kebaktian yang sejati selagi belum mendermakan sebahagian dari harta yang kita sukai dan sayangi. Firman-Nya dalam surah Ali-Imran ayat 92:

لَنْ تَنَالُوا الْبَرَ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ يِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٣﴾

**Maksudnya:** “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.”

Selain berzakat dan bersedekah, terdapat satu lagi jalan mulia yang direhui Allah bagi kita membelanjakan harta ialah dengan berwakaf. Wakaf kata Bahasa Arab “al-Waqf” yang antara lain merujuk kepada maksud harta yang diwakafkan atau harta yang ditahan. Dari segi syarak pula, wakaf merujuk kepada seseorang yang menyerahkan hak miliknya (harta yang boleh digunakan tanpa susut fizikalnya) kepada pengguna wakaf tersebut dari mula harta diwakafkan hingga ke akhirnya semata-mata kerana Allah SWT. Harta yang diwakafkan itu tidak boleh diambil kembali atau dimiliki oleh mana-mana individu.

## JEMAAH JUMAAT YANG MULIA!

Wakaf terbahagi kepada dua jenis iaitu:

**Pertama,** *Wakaf Ahli* (wakaf keluarga). Wakaf ini dikhurusukan manfaatnya kepada ahli keluarga yang telah ditentukan oleh pewakaf.

**Kedua,** *Wakaf Khairi* (Wakaf Kebajikan). Wakaf ini terbahagi kepada *wakaf am* dan *wakaf khas*.

**Wakaf am** ialah sesuatu harta yang ditentukan oleh pewakaf bagi tujuan manfaat umum mengikut hukum syarak seperti untuk kemudahan atau pembangunan ekonomi umat Islam menerusi pelbagai aktiviti yang dijalankan berasaskan hukum syarak.

Wakaf khas pula ialah harta yang ditentukan oleh pewakaf bagi tujuan manfaat tertentu umat Islam mengikut hukum syarak seperti mewakafkan tanah untuk tujuan pembinaan masjid, surau, sekolah agama, perkuburan Islam dan lain-lain lagi.

Pensyariatan ibadah Wakaf turut dinukilkhan melalui hadis Ibn Umar yang diriwayatkan oleh imam muslim :

**Yang bermaksud:** Daripada Ibnu Umar R.A katanya: Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar kemudian dia datang menghadap Nabi SAW untuk meminta pendapat berkenaan cara menguruskannya, katanya: Wahai Rasulullah! Saya telah mendapat sebidang tanah di Khaibar. Saya belum pernah memperolehi harta yang lebih baik daripada ini. Baginda bersabda: Jika kamu suka, tahanlah tanah itu (wakafkanlah tanah itu) dan kamu sedekahkan manfaatnya. Lalu Umar mengeluarkan sedekah hasil tanah itu dengan syarat tanahnya tidak boleh dijual dan dibeli serta diwarisi atau dihadiahkan. Umar mengeluarkan sedekah hasilnya kepada fakir miskin, kaum kerabat dan untuk memerdekaan hamba juga untuk orang yang berjihad di jalan Allah serta untuk bekal orang yang sedang dalam perjalanan dan menjadi hidangan untuk tetamu. Orang yang mengurusnya boleh makan sebahagian hasilnya dengan cara yang baik dan boleh memberi makan kepada temannya dengan sekadarnya. (HR. Muttafaq a'laih)

### **MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH!**

Harta yang diwakafkan sama ada berupa tanah, bangunan, ladang atau kebun dan sebagainya tidak akan susut nilainya sama ada dari segi materi maupun dari segi ganjaran pahala. Ini kerana, harta wakaf adalah umpama harta yang dipinjamkan kepada Allah SWT, dan Allah jualah yang akan menggandakan balasannya dan mengurniakan pahala. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah al-Hadid ayat 18:

إِنَّ الْمُصَدِّقِينَ وَالْمُصَدِّقَاتِ وَأَقْرَضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا يُضَعَّفُ لَهُمْ وَلَهُمْ أَجْرٌ كَرِيمٌ

**Maksudnya:** “Sesungguhnya orang-orang lelaki yang bersedekah dan orang-orang perempuan yang bersedekah, serta mereka memberikan pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik (*ikhlas*), akan digandakan balasannya (dengan berganda-ganda banyaknya), dan mereka pula akan beroleh pahala yang mulia”.

Menyedari bertapa besarnya manfaat amalan berwakaf kepada individu pewakaf dan masyarakat umum, maka kerajaan mengambil insentif melalui penubuhan institusi wakaf dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 September 2021 yang lalu. Institusi khusus bagi wakaf ini, berperanan agar segala harta wakaf yang ada dapat diurus dengan lebih baik,

sistematik, bersesuaian dengan niat serta memberi manfaat kepada masyarakat umum di samping turut memberi manfaat akhirat kepada pewakaf itu sendiri. Melalui Institusi wakaf juga diharap dapat menyuntik semangat umat Islam yang berharta untuk berwakaf.

Kesimpulannya, segala harta yang ada adalah kurniaan Allah SWT dan sudah sewajarnya ia perlu dibelanjakan kepada jalan-jalan yang disyariatkan dan direldai-Nya. Segala harta yang kita belanjakan atau wakafkan dengan ikhlas kerana Allah semata-mata, pasti diganti dan diganjari kerana Allah SWT adalah sebaik-baik pemberi rezeki. Firman-Nya dalam surah Saba ayat 39:

قُلْ إِنَّ رَبِّيٍّ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقْدِرُ لَهُ وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ  
يُخْلِفُهُ وَهُوَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ ٣٩

**Maksudnya:** "Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya Tuhanmu memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakiNya di antara hamba-hambaNya, dan ia juga yang menyempitkan baginya; dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan mengantikannya; dan Dia lah juga sebaik-baik Pemberi rezeki".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ  
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَابِرِ الْمُسِلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تیک س خطبة کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، إِتَّقُوا اللَّهَ حَقًّا ثُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ

، أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلِئِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتٌ عَلَيْهِ وَسَلَامٌ تَسْلِيمًا ۝

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ

وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ

عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضُ عَنِ الْحُلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنِ التَّابِعِينَ

وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعْهُمْ يَا أَكْرَمَ

الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَةَ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا

كباوه دولي يع مها موليا سري فدوک بکیندا يع دفتروان اکنوغ وفخاماۃ الرئیس

الأَعْلَى توان يع تراوتام يع دفتروا نکری سابه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةُ وَسَائِرَ

بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ

وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلْدَنَا هَذَا حَاصَّةَ، وَمِنْ بَلْدَنِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئَاتِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit berbahaya khususnya Covid-19.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mematuhi SOP yang disediakan oleh pihak berkuasa bagi membendung penyebaran Covid-19 yang sememangnya telah berada dalam komuniti kami.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu juga Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾  
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْ كُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS  
88737 KOTA KINABALU.



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkat kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.